



**JABATAN PERDANA MENTERI  
JABATAN PERKHIDMATAN AWAM**

**SIARAN MEDIA**

**15 VALUE CHAMPION OFFICER (VCO) DILANTIK BAGI PEMANTAPAN  
PEMBUDAYAAN NILAI DALAM PERKHIDMATAN AWAM**

---

Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) telah melancarkan inisiatif *Value Champion Officer* (VCO) dengan melantik 15 pegawai daripada Kementerian/ Jabatan/ Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri (PSUK) dan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) bagi melestarikan pembudayaan nilai murni dalam perkhidmatan awam melalui teladan terbaik di organisasi. Pelaksanaan rintis VCO bagi tahun 2023 adalah satu inisiatif yang bertujuan untuk memantapkan pembudayaan nilai dalam perkhidmatan awam. Perlaksanaan penuh VCO kepada semua Kementerian, Jabatan, PSUK, Badan Berkanun dan PBT akan bermula pada tahun 2024.

Surat pelantikan VCO telah disampaikan oleh YBhg. Tan Sri Dato' Seri Mohd Zuki bin Ali, Ketua Setiausaha Negara pada majlis perasmian Persidangan Psikologi Perkhidmatan Awam Kali Ke-27 Tahun 2023 yang berlangsung di Pusat Konvensyen Majlis Bandaraya Shah Alam (MBSA), hari ini. Pelaksanaan pelantikan VCO ini telah diluluskan sebagaimana yang diputuskan dalam Mesyuarat Jawatankuasa Anti-Rasuah (JAR) Peringkat Kebangsaan pada 29 Mac 2023.

Pegawai yang ditauliahkan sebagai Ikon Nilai telah memenuhi syarat-syarat pelantikan seperti yang ditetapkan iaitu;

- i. Menunjukkan prestasi cemerlang dengan markah purata 85% bagi tiga tahun terkini
- ii. Berkhidmat lebih daripada 10 tahun
- iii. Melepasi tapisan tatatertib dan keutuhan
- iv. Mempamerkan teladan baik secara konsisten dan seimbang
- v. Mempunyai kualiti keperibadian yang baik

Inisiatif rintis ini akan digerakkan melalui mekanisme pemantauan berdasarkan pelaporan tahunan dan pencapaian skor Indeks Komposit Nilai setiap agensi.

Libat urus melalui jelajah dan seminar akan diadakan secara berterusan bagi mempromosi nilai dan peranan VCO bagi menyokong pencapaian agenda MADANI.

Pelaksanaan inisiatif ini adalah selaras dengan Kerangka Strategik Malaysia MADANI dalam mengungguli standard prestasi, kualiti dan kelakuan beretika tertinggi dalam kalangan penjawat awam.

Pada program yang sama, turut berlangsung Penyerahan Modul Pemerkasaan dan Pengukuhan VCO. Modul *Gear Up Resist Mindset* (RESIST) adalah salah satu sub modul Pengukuhan Budaya Kerja Penjawat Awam yang mengetengahkan cara bagaimana set minda dapat mengubah individu menjadi lebih baik dan dapat mengekalkan nilai-nilai murni serta nilai kebergunaan kepada organisasi. Modul ini juga akan membantu individu khususnya penjawat awam untuk memahami, menyedari dan mengurus minda dalam menghasilkan tingkah laku berintegriti.

Modul OSEM merupakan modul pembangunan tingkah laku penjawat awam berdasarkan pendekatan psikologi melalui kriteria Konsisten, Dedikasi, Berdisiplin, Komited (OSEM) adalah untuk memberi peneguhan kepada penjawat awam dalam aspek meningkatkan pemahaman, membantu menghayati dan memupuk budaya kerja penjawat awam. Modul OSEM adalah sebagai persediaan meliputi aspek ekspektasi, pembentukan nilai, peranan dan kekuatan serta pelan tindakan VCO.

Persidangan kali ini membawa tema PRISMA iaitu PRofesional, Integriti, Sahsiah dan aMANah. Tema PRISMA diangkat dan dijadikan teladan kerana individu yang sihat psikologinya, memiliki asas modal psikologi yang kukuh berupaya membudaya nilai-nilai terbaik di organisasi dan ini adalah ciri modal insan yang perlu ada pada setiap penjawat awam.

Seramai 500 peserta yang terdiri daripada Pegawai Psikologi, Pengurus Sumber Manusia dan Pegawai Integriti dari pelbagai Kementerian/ Jabatan/ Agensi, Pegawai Rakan Pembimbing Perkhidmatan Awam (AKRAB) serta ahli akademik/ pensyarah dari Institusi Pengajian Tinggi Awam menyertai persidangan.

Persidangan dianjurkan sebagai medium perkongsian input dan trend terkini dalam bidang psikologi, mempertingkatkan kompetensi dan jaringan kerjasama peserta serta memberikan pendedahan mengenai pembudayaan nilai-nilai murni. Bagi meluaskan manfaat setiap sesi bicara yang dikongsikan, program turut disiarkan secara langsung menerusi Facebook JPA.

####

### **Jabatan Perkhidmatan Awam**

Tarikh : 26 September 2023

E-mel : komunikasi@jpa.gov.my

No.Rujukan: JPA.100-9/1/2 Jld.2 ( 51 )